

# Usah ambil mudah COVID-19 elak sektor kesihatan negara lumpuh

Berita HORIZON (31/05/2021) M/S 10

Oleh Muhammad Hafiz Badarulzaman  
bhrencana@bh.com.my



**Menurut** Data Bank Dunia, India yang terletak di Asia Selatan mempunyai penduduk 1.36 bilion dengan kedudukan nombor dua populasi teramai di dunia selepas Republik Rakyat China.

Negara ketujuh terbesar di dunia ini mempunyai keluasan 3.287 juta kilometer persegi.

Pada pertengahan April lalu, seluruh penduduk melalui detik hitam apabila siren ambulans kedengaran hampir setiap masa dalam satu hari di jalan yang jaraknya beribu kilometer di seluruh negara itu.

Gelombang kedua COVID-19 menghantui penduduk India menyebabkan semua hospital sesak dipenuhi dengan pesakit COVID-19, manakala pusat kwarantanan terpaksa beroperasi 24 jam sehari.

Portal rangkaian BBC melaporkan bahawa ratusan mayat ditemui terapung dan terkubur di tebing pasir sungai paling suci di India iaitu Sungai Gangga. Kemungkinan besar semua mayat yang terapung di sungai itu adalah mangsa COVID-19 yang tinggal di utara Uttar Pradesh berhampiran sungai terabit.

Ini adalah krisis kesihatan awam terburuk dalam sejarah India sejak mencapai kemerdekaan hampir 73 tahun lalu. Negara itu mencatatkan lebih daripada 25 juta kes dengan 275,000 kematian, walaupun terdapat pakar yang menegaskan bahawa jumlah kematian sebenar adalah dua kali lebih tinggi seperti dilaporkan oleh *The New York Times*.

Jika diamati rentetan penularan COVID-19 di India, terdapat tiga punca utama yang boleh kita pelajari daripada krisis kesihatan awam terburuk di negara ini.

Pertamanya, penduduk di India berasa selamat apabila sejumlah kecil sahaja rakyatnya menghidap COVID-19.

bertegas untuk membatalkan upacara keagamaan secara besar-besaran bagi mengelak penularan COVID-19.

Ketiga, kerajaan India membenarkan pilihan raya negeri berlangsung di Benggala Barat pada 27 Mac hingga 29 April lalu. Pilihan raya itu memabitkan 292 kerusi di negeri yang mempunyai populasi kira-kira 100 juta orang dan adalah negeri keempat terpadat di India.

Akibatnya, negeri itu sahaja sehingga hari ini mencatatkan 1.34 juta kes dan India secara keseluruhan mencatatkan 27.7 juta kes dengan merujuk kepada portal rasmi kerajaan India.

Akhbar berbahasa Inggeris tertua di India, *The New Indian Express* melaporkan bahawa punca utama penularan COVID-19 di Benggala Barat adalah disebabkan oleh perhimpunan, rapat umum dan kempen politik sempena pilihan raya lalu.

Jika diamati dan ditelusuri, tiga punca utama yang menyebabkan COVID-19 kembali menular dan mengganas sehingga meragut nyawa tanpa belas kasihan di India sangat dekat dengan rakyat Malaysia.

Justeru, sikap segelintir masyarakat yang me-

mandang ringan berkaitan penularan COVID-19 perlu diubah.

Pematuhan sendiri dilihat kurang berhasil menyebabkan kerajaan Malaysia terpaksa mengisytiharkan sekatan pergerakan penuh secara menyeluruh bermula esok.

Tujuannya tidak lain dan tidak bukan, adalah untuk mengelak krisis kesihatan awam terburuk berlaku di negara kita.

Selain itu, penutupan tempat ibadat seperti masjid dan surau termasuk upacara keagamaan yang lain tidak bererti bahawa umat Islam dinafikan hak beribadat seperti dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Penutupan dibuat bertujuan memutuskan rantaian COVID-19 memandangkan terdapat ahli kariah yang dijangkiti tanpa sadar ketika menunaikan ibadah di masjid mahupun surau, walaupun sudah mematuhi SOP ketat yang ditetapkan pihak berkuasa.

Hakikatnya, aktiviti ritual dan keagamaan bukan dihalang sepenuhnya, sebaliknya masih boleh dilaksanakan bersama seisi keluarga di rumah masing-masing.

Di samping itu, tidak kurang penting juga supaya semua sadar bahawa kita perlu menghentikan polemik untuk mengadakan pilihan raya umum dengan segera.

Lihatlah apa yang berlaku terhadap pilihan raya yang berlangsung di Benggala Barat di India sehingga mengakibatkan penularan COVID-19 begitu pantas dan tinggi.

Belajarlah daripada krisis kesihatan awam terburuk di India. Teringat pesanan Dr Soumya Swaminathan, Ketua Saintis Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menyatakan bahawa COVID-19 tidak mengenal sempadan, bangsa, usia ataupun agama.

Justeru, kita perlu berjalan seiring sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum menangani wabak ini secara bersama dan bersungguh-sungguh.

“Pematuhan sendiri dilihat kurang berhasil menyebabkan kerajaan Malaysia terpaksa mengisytiharkan sekatan pergerakan penuh secara menyeluruh bermula esok”

COVID-19 sebelum ini, apatah lagi kerajaan baru sahaja merasmikan program vaksinasi berskala besar.

Ini belum lagi mengambil kira terdapatnya sebilangan penduduk India yang mempunyai keyakinan dapat mengalahkan virus itu menerusi beberapa kepercayaan. Inilah yang dikatakan sebagai krisis sikap yang menjadi satu daripada punca utama penularan COVID-19 di India.

Kedua, kerajaan India tidak mengambil langkah drastik dalam mengawal upacara keagamaan secara besar-besaran. Satu daripada upacara keagamaan terbesar adalah Kumbh Mela yang berlaku di Haridwar, utara India yang membabitkan berjuta-juta orang berkumpul pada April lalu untuk berenang di sungai paling suci di India.

Sungai Gangga adalah satu daripada sungai terbesar di dunia dan masyarakat Hindu percaya bahawa mandi di sungai itu boleh membersihkan dosa.

Upacara keagamaan berkenaan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) berkaitan penjarakan fizikal. Sepatutnya kerajaan India perlu



*Sikap ambil mudah COVID-19 dan mengabaikan SOP punca penularan terlalu pantas dalam kalangan rakyat.*

(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)